

13/03/2002

270,000 guru dapat cuti tahunan

SHAH ALAM, Selasa - Guru akan dibenar mengambil cuti tahunan walaupun pada musim persekolahan dan pada masa yang sama, masih menikmati cuti seperti biasa pada waktu cuti penggal persekolahan.

Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin, berkata kemudahan baru itu akan dinikmati oleh 270,000 guru di seluruh negara jika Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menerima cadangan supaya guru diberi cuti tahunan seperti kakitangan awam lain.

Beliau menyifatkan cadangan cuti rehat tahunan untuk guru ini realistik kerana ia memberi keselesaan kepada guru dan boleh memajukan lagi alam persekolahan.

Katanya, guru sebenarnya tiada cuti tahunan kerana apa yang mereka nikmati sekarang adalah cuti persekolahan bagi pelajar. Kerana itu, ketika cuti penggal, kadang kala mereka dikehendaki ke sekolah, menyediakan kertas peperiksaan atau menghadiri kursus.

"Guru berhak cuti 15 atau 30 hari setahun berdasarkan kedudukan masing-masing, maka mereka boleh bercuti seperti juga kakitangan awam yang lain. Ini tidak menjejaskan waktu persekolahan.

"Kita perlu ada sistem untuk tujuan ini. Contohnya, sebuah sekolah itu ada 10 guru, kita tak benarkan 10 orang itu cuti serentak. Jadi mesti ada kaedah yang sistematik supaya cuti itu tak menjejaskan pembelajaran murid.

Beliau memberitahu pemberita demikian selepas perasmian Konvensyen Perdana Pendidikan Kebangsaan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini, hari ini.

Sabtu lalu, Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Abdul Rafie Mahat, berkata jika cadangan guru diberi cuti rehat tahunan diterima, seramai 270,000 guru di seluruh negara akan menikmati cuti berkenaan.

Ketika ini, cuti rehat hanya diberikan kepada pengetua dan guru besar. Cadangan baru itu adalah antara pakej yang sedang diusahakan kementerian bagi memperbaiki mutu perkhidmatan perguruan.

Kementerian Pendidikan juga memberi cadangan kepada JPA bagaimana cuti rehat dapat dilaksanakan supaya tidak berlaku pertindihan kerana guru sudah mempunyai cuti penggal.

Bagaimanapun, Presiden Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP), Tengku Habsah Tengku Petera dilaporkan sebagai berkata, 270,000 guru di seluruh negara akan bertugas lapan jam sehari, sama seperti pegawai kerajaan lain jika cadangan cuti rehat tahunan mereka dilaksanakan.

Tengku Habsah dipetik sebagai berkata, selain itu guru tidak akan menikmati cuti penggal persekolahan seperti sekarang dan tidak menolak kemungkinan perubahan waktu kerja itu akan menimbulkan rasa tidak selesa di kalangan guru.

Abdul Aziz bagaimanapun menegaskan, semua pandangan daripada NUTP dan guru akan diambil kira dan yakin JPA sedang mengkaji bagaimana kaedah terbaik untuk memberi cuti tahunan kepada guru.

Menjawab pertanyaan, beliau berkata keistimewaan cuti penggal sekolah bagi guru sebenarnya tidak hilang apabila cadangan cuti tahunan itu dilaksanakan.

"Ini sebenarnya tidak timbul kerana cuti sekolah itu bukan cuti mereka, itu cuti untuk murid-murid saja," katanya.

Beliau menjelaskan, kadangkala guru memberi pelbagai alasan apabila diminta menjadi pemeriksa bagi kertas peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia

(SPM), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) pada waktu cuti penggal.

Jadi dia tolak walaupun mereka diberi elaun untuk kerja ini. Jadi bila kita sudah ada kaedah lebih tersusun (bagi cuti tahunan), mereka tidak boleh melarikan diri daripada tanggungjawab yang kita bagi itu.

"Faktor ini kita mesti lihat secara serius dan terperinci. Terpulang kepada pejabat pendidikan termasuk di daerah untuk menentukan cuti tahunan guru pada musim persekolahan dan yang penting ia tidak menjejaskan pendidikan anak-anak," katanya.

(END)